

Mahathir mahu ahli2 bersatu tentukan parti menangi pilihanraya

Lumpur, Perdana Menteri berkata, itulah sebabnya, beliau mengadakan siri lawatan ke negeri-negeri di samping melihat pembangunan negeri dapat pula berjumpa dengan ahli-ahli UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional Negeri untuk mendapatkan taklimat mengenai persediaan mereka untuk menghadapi pilihanraya.

Dato' Sri Dr. Mahathir membut permintaan demikian ketika diminta mengulas soalan beberapa wartawan bahawa sejak akhir-akhir ini ramai pemimpin UMNO meminta ahli-ahli parti bersatu padu

Menyentuh peluang Barisan Nasional dalam pilihanraya nanti, Dato' Sri Dr. Mahathir yang diminta membuat penilaian buat masa ini menegaskan sekali lagi, "saya percaya kita akan dapat kemenangan yang baik."

Katanya, "Kita sudah tentu mengekalkan Kerajaan Barisan Nasional di Perak dan wakil-wakil rakyat Parlimen akan dapat kita kekalkan."

Walau bagaimanapun, beliau berpendapat bahawa sudah tentu ada cabaran-cabaran, tetapi ini mungkin mengurangkan majoriti kita, tapi tidak sampai Barisan Nasional tidak boleh menerajui kerajaan lagi.

"Kita harus ingat bahawa dalam pilihanraya tahun 1986, kemenangan kita adalah yang terbaik sejak merdeka," ujarnya menarik perhatian.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, adalah sukar dalam pilihanraya kali ini parti akan mencapai sebaik itu, tapi beliau yakin ia boleh tercapai.

"Saya yakin setengah tempat kita akan bertambah pengundi dan setengah tempat kita akan kurang sedikit, tapi menang kita tetap menang," tegasnya yang pernah memberitahu para wartawan dalam sidang Majlis Tertinggi UMNO baru-baru ini bahawa Barisan Nasional yakin boleh menawan semua negeri termasuk Kelantan dalam pilihanraya nanti.

Beliau berpuashati dengan jentera parti dan persediaan Barisan Nasional Perak untuk menghadapi segala rintangan dan cabaran menjelang pilihanraya.

IPOH 11 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu ahli-ahli UMNO tidak bertelagah mengenai pucuk pimpinan, sebaliknya bersatu padu untuk menentukan parti memenangi pilihanraya akan datang.

Presiden UMNO berkata: "Belum sampai masanya ahli-ahli bertelagah mengenai pemilihan dalam Perhimpunan Agung UMNO kerana ini tidak penting buat masa ini, tapi bagi kita adalah masa untuk bersatu padu bagi menjamin kemenangan parti kita dalam pilihanraya nanti."

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional menarik perhatian, bila pilihanraya akan diadakan sama ada sebelum atau sesudah Perhimpunan Agung UMNO tidak menjadi hal, tapi paling penting seluruh ahli UMNO hendaklah bersatu padu dari sekarang.

Bercakap dalam sidang akhbar di akhir lawatan rasminya ke Perak sebelum berlepas pulang ke Kuala

dan adakah ini tanda-tanda bahawa pilihanraya akan diadakan sama ada sebelum atau sesudah Perhimpunan Agung UMNO.

Turut hadir Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato' Sri Rafidah Aziz.

Bila ditanya hasrat Dato' Musa Hitam untuk menyertai Majlis Tertinggi UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, "Kita tidak tolak dan ini terpuang kepada ahli-ahli UMNO untuk memutuskan dan dia sebagai ahli UMNO mempunyai hak tanpa sekatan, tetapi tertakluk kepada perlembagaan dan tradisi parti."

Timbalan Presiden UMNO Encik Ghafar Baba pada 9 Mac lalu berkata, beliau memang sudah lama mahukan Dato' Musa Hitam aktif semula dalam politik sekurang-kurangnya sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Beliau menarik perhatian, UMNO sebenarnya tidak ada halangan bagi sesiapa untuk aktif dalam UMNO kerana UMNO memang berkehendakkan semua orang Melayu memberi sumbangan kepada parti.